

Langkah-langkah Mengatasi Masalah Sosial di Kalangan Remaja

Remaja merupakan aset negara pada masa hadapan yang mampu menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Namun demikian, isu masalah sosial di kalangan remaja kerap diperkatakan kerana didapati masalah ini telah bertambah dari setahun ke setahun. Antara masalah sosial di kalangan remaja ialah budaya melepak, penagihan dadah dan pergaulan bebas. Pada pendapat saya, jika masalah sosial remaja ini tidak ditangani dengan segera, pasti usaha menjadikan Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020 akan terjejas. Terdapat beberapa tindakan yang boleh dilakukan oleh pihak-pihak tertentu untuk menangani permasalahan di kalangan remaja.

Pihak yang boleh memainkan peranan utama dalam menangani gejala sosial ialah ibu bapa dan keluarga. Kita sedia maklum bahawa kebanyakan masa para remaja banyak dihabiskan di rumah. Ibu bapa seharusnya memberikan (1) _____ kepada anak-anak remaja. Oleh itu, ibu bapa hendaklah bertanya kepada anak-anak remaja tentang (2) _____ yang dihadapi dan membantu mereka dalam menyelesaikan masalah tersebut. Sesungguhnya, anak-anak remaja amat memerlukan (3) _____ ibu bapa dalam menghadapi kehidupan yang semakin mencabar.

Selain itu, pihak masyarakat dan pemimpin setempat juga boleh membantu mengatasi masalah sosial remaja. Para remaja merupakan ahli kepada masyarakat setempat. Jika masyarakat mendapati terdapat remaja yang melakukan (4) _____, maka mereka mestilah menegur dan memberi nasihat secara berhikmah. Selain itu, pemimpin setempat hendaklah (5) _____ tempat tinggal di kawasan yang dipimpin secara berterusan dan memastikan gejala sosial yang berlaku segera diatasi. Jika para remaja melihat masyarakat mengambil berat tentang (6) _____ mereka pasti para remaja akan memperbaiki tingkah laku mereka.

Pihak media massa juga perlu memainkan peranan penting dalam mengatasi permasalahan remaja. Umum mengetahui tentang keberkesanan media massa dalam mempengaruhi (7) _____ seseorang. Media elektronik dan media cetak perlu menayangkan program yang dapat meningkatkan (8) _____ remaja. Contohnya siri program 3R yang ditayangkan di TV3 adalah program yang baik kepada remaja kerana di dalamnya terdapat (9) _____ yang terkini, khas untuk panduan para remaja. Sewajarnya juga pihak media massa tidak menjadikan golongan remaja sebagai aset mencari keuntungan semata-mata kerana pihak media massa perlu juga memikirkan (10) _____ remaja kepada negara pada masa hadapan.

Pihak agensi kerajaan seperti Kementerian Belia dan Sukan juga boleh mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menangani masalah remaja. Pihak Kementerian Belia dan Sukan bertanggungjawab dalam menjadikan remaja dan belia di Malaysia (11) _____ seterusnya dapat membantu negara menjadi maju. Oleh itu, pihak Kementerian Belia dan Sukan boleh merangka program-program yang dapat memupuk (12) _____ di kalangan remaja. Program Rakan Muda anjuran Kementerian Belia dan Sukan contohnya adalah program yang baik dan perlu

diteruskan. Di samping itu, program-program yang baru perlu dilaksanakan sejajar dengan (13) _____ remaja masa kini.

Pihak kerajaan juga boleh memainkan peranan yang penting dalam menangani permasalahan remaja. Hal ini kerana pihak kerajaan mempunyai autoriti dalam negara kerana mempunyai kuasa sumber kewangan dan boleh menggubal undang-undang. Beberapa program untuk remaja perlu dirangka dan dilaksanakan secara berterusan agar (14) _____ dapat diamalkan oleh golongan remaja. Contohnya, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) adalah satu program yang baik kepada remaja di Malaysia. Bagi remaja yang melanggar undang-undang negara, tindakan tegas hendaklah diambil oleh pihak kerajaan bagi membendung (15) _____ tersebut.

Hasil daripada perbincangan di atas, jelaslah bahawa beberapa pihak perlu memainkan peranan yang aktif dalam menangani permasalahan remaja. Pada pendapat saya usaha menangani masalah remaja ini perlu dibuat secara berterusan dan ia memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Pihak Kementerian Pelajaran juga boleh memainkan peranan dalam menghasilkan remaja yang (16) _____. Jika semua pihak dapat memainkan peranan yang sewajarnya, pasti masalah remaja dapat diatasi. Negara amat mengharapkan remaja yang berkualiti dalam menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan makmur.

informasi 信息 kepentingan 重要性 berkualiti 高素质 nilai-nilai murni 高尚价值观 situasi 情况 nilai-nilai murni 高尚价值观 perlakuan negatif 负面行为 berkualiti 高素质	perhatian dan kasih sayang 关爱与爱护 permasalahan 问题 bimbingan 指导 perbuatan negatif 负面行为 memantau suasana 监督情况 perlakuan mereka 他们的行为 hati dan minda 心灵与思想 harga diri 自尊
---	---